

Bajet 2016 ambil kira paras harga minyak

Kerajaan tidak berhasrat untuk menyemak semula peruntukan Bajet 2016, susulan pengumuman PETRONAS untuk mengurangkan dividen petroleum sebanyak RM10 bilion pada tahun depan.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Chua Tee Yong, berkata peruntukan Bajet 2016 sudah mengambil kira paras harga minyak purata AS\$48 setong sebelum belanjawan tahunan negara itu dimuktamadkan.

Beliau berkata, kerajaan juga telah menjangkakan pendapatan daripada minyak termasuk royalti, cukai dan dividen PETRONAS sekitar RM31 bilion berbanding RM66 bilion pada

tahun lalu.

“Saya berpendapat Bajet 2016 mengambil kira pelbagai aspek sebelum dibentangkan, termasuk jangkaan harga dan pendapatan hasil minyak yang kini mengalami cabaran sukar.

Pasaran minyak global

“Secara jelasnya kerajaan menyedari kesan daripada persekitaran pasaran minyak global kepada Malaysia,” katanya pada majlis pelancaran CrowdPlus. asia di Kuala Lumpur, semalam.

Rabu lalu, PETRONAS bersejua untuk membayar dividen berjumlah RM16 bilion tahun depan berbanding RM26 bilion tahun ini.

Ia susulan prestasi kurang memberangsangkan syarikat petroleum negara apabila merekodkan untung bersih RM23.8 bilion dalam tempoh sembilan bulan berakhir 30 September 2015, 57 peratus lebih rendah berbanding RM54.9 bilion dalam tempoh sama tahun lalu.

Pendapatannya dalam tempoh itu juga merosot 25 peratus kepada RM187.6 bilion berbanding RM249.8 bilion.

Bagi suku ketiga berakhir 30 September 2015, untung bersihnya jatuh 91 peratus kepada RM1.4 bilion berbanding RM15.1 bilion pada suku sama tahun lalu.

“

Saya berpendapat Bajet 2016 mengambil kira pelbagai aspek sebelum dibentangkan, termasuk jangkaan harga dan pendapatan hasil minyak yang kini mengalami cabaran sukar”

Chua Tee Yong,
Timbalan Menteri
Kewangan